



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**26 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
SUKSES MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

**26 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)**

## Kekurangan bekalan telur bukan satu krisis

**KUALA TERENGGANU:** Masalah kekurangan bekalan telur ayam di beberapa kawasan seluruh negara ketika ini bukan satu krisis kerana isu tersebut akan dapat diselesaikan segera.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP), Datuk Azman Mohd. Yusof berkata, pengurusan bekalan masih berjalan dengan baik hasil perkongsian maklumat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Memang baru-baru ini ada masalah bekalan dilaporkan di beberapa kawasan namun apabila pegawai penguat kuasa kita

turun ke lapangan mendapati, ia disebabkan masalah teknikal.

"Contohnya penghantaran telur ayam yang lambat dan pesanan tidak dibuat mengikut masa sepatutnya.

"Masalah yang berlaku dapat diselesaikan secepat mungkin contohnya aduan kehabisan telur ayam pada sebelah pagi dan bekalan terus dihantar pada sebelah petang atau keesokan harinya, tidak berlaku dalam tempoh yang panjang," katanya selepas meninjau Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) di Seberang Takir di sini semalam.

*Utusan Malaysia* sebelum ini

melaporkan Langkawi, Jerantut dan Hulu Terengganu mengalami masalah kekurangan bekalan telur ayam.

Dalam pada itu beliau, berkata, PJMKM yang dilancarkan pada 2 Disember tahun lepas berjaya memberi manfaat kepada 3.4 juta rakyat dengan rekod jualan sebanyak RM63 juta setakat 31 Julai lalu.

Menurutnya, program itu dilaksanakan di 2,000 lokasi di semua 222 kawasan Parlimen dan diperluaskan sebagai kesinambungan membendung inflasi dan mengurangkan beban kos sara hidup yang dialami ahli Keluarga Malaysia.



**AZMAN Mohd. Yusof (kiri) meninjau bekalan ayam yang dijual di Seberang Takir, Kuala Terengganu semalam. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN**



**AZMAN (kiri) menyantuni pelanggan yang membeli ayam segar pada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia di Kuala Nerus semalam.**

## Isu kekurangan telur ayam di seluruh negara diatasi

**KUALA NERUS** – Masalah kekurangan bekalan telur ayam di beberapa kawasan seluruh negara yang dilaporkan sebelum ini telah diatasi segera.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP), Datuk Azman Mohd. Yusof berkata, kekurangan itu bukan berpunca daripada krisis bekalan tetapi hanya masalah teknikal antara penge-luar dan peruncit.

“Berdasarkan siasatan, ia akibat kelewatan penghantaran atau kegagalan membuat pesanan pada waktu sepatutnya.

“Masalah teknikal itu mudah diselesaikan dengan kebanyakan kes bekalan telur ayam kehabisan dapat dihantar dalam tempoh beberapa jam selepas aduan dibuat,” katanya.

Terdahulu, beliau meninjau Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Takir, di sini semalam.

Beliau mengulas rungutan pengguna tentang kekurangan bekalan telur ayam yang dilaporkan di beberapa kawasan seperti Pulau Langkawi, Kedah; Jerantut, Pahang dan Hulu Terengganu baru-baru ini.

## Pemborong, peruncit boleh simpan 30% stok tambahan

**Kuala Nerus:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi kebenaran kepada peruncit dan pemborong yang dilantik untuk menyimpan stok lebihan bagi menghadapi musim tengkujuh berkuat kuasa bulan depan.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Azman Mohd Yusof berkata, sebanyak 2,711 peruncit dan 1,039 pemborong di seluruh negara dibenarkan menyimpan barangan kawalan sehingga 30 peratus daripada stok asal.

Menurutnya, ia bertujuan memastikan barangan keperluan boleh diperolehi ketika berlaku bencana terutama banjir di satu-satu kawasan.

"Biasanya mangsa yang terbabat banjir, mereka mempunyai skim bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

"Namun, penduduk tempatan yang tidak terkesan dengan banjir bagaimanapun tetap memerlukan bekalan keperluan harian pada musim banjir.

"Justeru, bekalan perlu mencukupi di semua kawasan terutama bagi mengelak berlaku terpu-

tusnya bekalan ketika musim banjir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas meninjau Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) di Pasaraya Segar Taif di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP Terengganu Sa-haruddin Mohd Kia.

Menurutnya, kelulusan kuota tambahan untuk penyimpanan barangan kawalan sebanyak 30 peratus oleh peruncit dan pemborong diguna pakai untuk musim banjir saja.

Katanya, pendekatan itu bukan sahaja membantu mangsa banjir, malah penduduk setempat yang tidak terjejas juga boleh mendapatkan bekalan keperluan harian seperti biasa.

Mengulas mengenai bekalan petrol dan diesel pada musim banjir katanya, sebanyak 32 lori dan empat pacuan empat roda digunakan bagi penghantaran bahan bakar berkenaan ke lokasi terjejas jika berlaku banjir tahun ini.

"Sebelum ini, kita hanya membenarkan dua negeri menggunakan lori tambahan iaitu di Terengganu dan Kelantan saja, namun tahun ini kita membenarkan penggunaan kaedah ini bagi seluruh negara," katanya.



AZMAN (kiri) melihat barangan yang dijual di Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) di Pasaraya Segar Taif.

## ***PJKM catat jualan sehingga RM63 juta***

**Kuala Nerus:** Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) merekodkan jualan sehingga RM63 juta yang dimanfaatkan lebih 3.4 juta penduduk di negara ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Azman Mohd Yusof berkata, sejak dilancarkan pada 2 Disember 2021 sehingga 31 Julai lalu, PJKM sudah dilaksanakan di 2,000 lokasi di semua 222 kawasan Parlimen seluruh negara.

Menurutnya, Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi (PKJTI) melakukan penjenamaan semula PJKM sebagai Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) yang diperluaskan ke 600 Dewan Undangan

Negeri (Dun) seluruh negara dan 13 Parlimen di Wilayah Persekutuan.

"Ia sebagai kesinambungan usaha membendung inflasi dan mengurangkan beban kos sara hidup yang dialami oleh ahli Keluarga Malaysia terutama golongan B40 dan M40.

"Pelaksanaan JMKM ini diterajui oleh lima kementerian seperti KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Wilayah Persekutuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas meninjau Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) di Pasaraya Segar Taif di sini, semalam

# Boleh simpan bekalan lebih 30 peratus

Kebenaran diberikan kepada peruncit, pemborong terpilih bermula Oktober sebagai persediaan banjir

Oleh RAHAYU MUSTAFA  
KUALA NERUS

**S**emua peruncit terpilih daerah (DDR) dan pemborong terpilih daerah (DDW) dibenarkan menyimpan bekalan barangan keperluan asas melebihi 30 peratus dari jumlah dilesenkan sebagai persiapan menghadapi banjir.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusof berkata, kebenaran itu dikeluarkan kepada 2,711 DDR dan 1,039 DDW di



Azman (dua dari kiri) membantu seorang pelanggan membeli ayam ketika meninjau PJMKM di Kampung Duyong, Kuala Nerus pada Ahad.

seluruh negara bermula Oktober ini.

"Kebenaran ini bagi memastikan barang keperluan harian sentiasa ada, cukup dan tidak terputus ketika banjir untuk kegunaan penduduk setempat," katanya selepas meninjau Program Jualan

Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) di Kampung Duyong di sini pada Ahad.

Menurut Azman, lebih hanya sebagai persediaan awal dan jumlah tersebut akan ditambah dari semasa ke semasa bergantung kepada situasi bencana ber-

dasar perkembangan dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan akan memperluaskan trak perkhidmatan mengisi minyak bergerak (ROVR) ke seluruh negara sebagai persediaan banjir tiba tidak lama lagi.



# Kekurangan telur ayam bersifat sementara

Masalah teknikal seperti penghantaran lambat dan pesanan tidak dibuat mengikut waktu sepatutnya dikenal pasti menjadi punca

**KUALA NERUS**

**K**ekurangan bekalan telur ayam di beberapa kawasan di seluruh negara baru-baru ini hanya bersifat sementara dan berjaya diselesaikan dalam waktu singkat.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Azman Mohd Yusof berkata, masalah teknikal seperti penghantaran lambat dan pesanan tidak dibuat mengikut waktu sepatutnya dikenal pasti menjadi punca masalah tersebut.

"Memang baru-baru ini ada kekurangan bekalan telur ayam di beberapa kawasan seperti Langkawi, Hulu Terengganu dan Jerantut, tetapi penguat kuasa kita segera turun menyiasat selepas mendapat maklumat.

"Masalah yang berlaku berjaya diselesaikan dengan cepat hasil kerjasama dengan Kementerian Pertanian



FOTO: BERNAMA

Kekurangan bekalan telur ayam dikesan berlaku di beberapa kawasan di seluruh negara baru-baru ini, antaranya Langkawi, Hulu Terengganu dan Jerantut.

dan Industri Makanan. Contohnya, jika aduan kehabisan telur pada sebelah pagi, sebelah petang dah ada bekalan balik, tidak berlaku dalam tempoh yang panjang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) di Seberang Takir di sini pada Ahad yang turut dihadiri Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

Sementara itu, Azman berkata, pelaksanaan PJMKM di 2,000 lokasi seluruh negara berjaya memberi manfaat kepada 3.4 juta rakyat berpendapatan rendah.

Menurutnya, program itu sedikit sebanyak membantu meringankan beban rakyat yang terkesan dengan kenaikan harga barangan dan kos sara hidup yang meningkat.

"Setakat 31 Julai lepas, rekod jualan seluruh negara ialah RM63 juta, manakala di Terengganu sahaja setakat 18 September lalu adalah RM2.5 juta.

"Saya juga difahamkan di Terengganu setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) telah diperuntukkan RM25,000 sebulan untuk pelaksanaan PJMKM dua kali sebulan bagi tempoh 15 Ogos hingga Disember depan," katanya. - Bernama

## Shortage of chicken eggs resolved, says ministry

**KUALA NERUS:** The recent shortage of chicken egg supply in several areas in the country was temporary, says Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's (KPDNHEP) secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof.

He said the problem had been resolved as a result of cooperation with the Agriculture and Food Industries Ministry.

Technical problems such as slow delivery and orders that were not made on time were identified as the main causes of the problem, he added.

"It is true that recently there was a shortage of chicken eggs in several areas such as Langkawi, Hulu Terengganu and Jerantut, but our law enforcers immediately went down to investigate after receiving information.

"The problems were quickly resolved. For example, if there was a complaint of a shortage of eggs in the morning, the supply was back in the afternoon," he said after inspecting the Keluarga Malaysia Cheap Sale Programme (PJMKM) in Seberang Takir here yesterday.

According to Bernama, Azman said the implementation of PJMKM in 2,000 locations nationwide had benefited 3.4 million low-income people.

He said it helped to some extent to ease the burden of the people who were affected by the increase in the price of goods and the cost of living.

"As of July 31, the programme recorded RM63mil in sales nationwide and in Terengganu alone; as of Sept 18, RM2.5mil in sales was recorded.

"I was also informed that each state constituency in Terengganu has been allocated RM25,000 per month to implement PJMKM twice a month for the period from Aug 15 to December," he said.

## 'Shortage of chicken eggs only temporary'

**KUALA NERUS:** The recent shortage of chicken egg supply in several areas in the country was only temporary, said Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof.

He said with the cooperation of the Agriculture and Food Industries Ministry, the problem had been successfully resolved.

He added that problems, such as slow delivery and orders that were not made on time, were identified as the main causes of the shortage.

"It is true that recently, there was a shortage of chicken eggs in several areas such as Langkawi, Hulu Terengganu and Jerantut. Our law enforcers immediately went to investigate after receiving information.

"Problems have been successfully resolved as quickly as possible. For example, if there was a complaint of a shortage of eggs in the morning, the supply was back in the afternoon," he said after inspecting the Keluarga Malaysia Cheap Sale Programme in Seberang Takir yesterday.

Also present was Terengganu Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry director Saharuddin Mohd Kja.

In another development, Azman said the successful implementation of the cheap sale programme at 2,000 locations nationwide has benefited 3.4 million people in the low-income group.

He added that it helped ease the burden of those affected by the increase in the prices of goods and cost of living.

"As of July 31, the programme recorded RM63 million in sales nationwide. As of Sept 18, RM2.5 million in sales was recorded in Terengganu alone.

"I was also told that each constituency in Terengganu has been allocated RM25,000 per month to implement the programme twice a month from Aug 15 to December," he said.

- Bernama

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.49
• Daging Lembu Tempatan	RM38
• Daging Lembu Import	RM46.90
• Telur Gred A	RM13.05
• Ikan Kembung	RM9.90
• Minyak Masak	RM7.49
• Gula Pasir	RM2.80
• Bawang Besar Holland	RM2.29
• Bawang Putih	RM5
• Cili Merah	RM8.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM4
• Tepung Gandum	RM3.19

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

**BERITA ONLINE BERTARIKH 26 SEPTEMBER 2022**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Sep	Special licence for online businesses under review as cyber-crime hits all-time high	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/09/26/special-licence-for-online-businesses-under-review-as-cybercrime-hits-all-time-high">https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/09/26/special-licence-for-online-businesses-under-review-as-cybercrime-hits-all-time-high</a>	THESTAR
26-Sep	Sedia Lori Minyak Bergerak Di Kawasan Banjir	<a href="https://www.trdi.my/sedia-lori-minyak-bergerak-di-kawasan-banjir">https://www.trdi.my/sedia-lori-minyak-bergerak-di-kawasan-banjir</a>	TRDI
26-Sep	Kekurangan bekalan telur ayam bersifat sementara – KPDNHEP	<a href="https://www.melakahariini.my/kekurangan-bekalan-telur-ayam-bersifat-sementara">https://www.melakahariini.my/kekurangan-bekalan-telur-ayam-bersifat-sementara</a>	MELAKAHARINI
26-Sep	Shortage of chicken egg supply only temporary – Ministry	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2022/09/25/shortage-of-chicken-egg-supply-only-temporary">https://harakahdaily.net/index.php/2022/09/25/shortage-of-chicken-egg-supply-only-temporary</a>	HARAKAHDAILY
26-Sep	Kekurangan bekalan telur ayam bersifat sementara - KPDNHEP	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2022/09/25/kekurangan-bekalan-telur-ayam-bersifat-sementara-kpdnhep">https://www.utusanborneo.com.my/2022/09/25/kekurangan-bekalan-telur-ayam-bersifat-sementara-kpdnhep</a>	UTUSANBORNEO
26-Sep	Kekurangan bekalan telur hanya sementara: KPDNHEP	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/222860">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/222860</a>	SH
26-Sep	LEMON LAW	<a href="https://www.facebook.com/100076472046579/posts/pfbid0TYZDqVDVXuQSs8UB4jn-AMNmYLbVAnKrZ6y1r5yYVdXjPWUC5SFqkpmTjTpQFVkfFsl/?sfnsn=mo">https://www.facebook.com/100076472046579/posts/pfbid0TYZDqVDVXuQSs8UB4jn-AMNmYLbVAnKrZ6y1r5yYVdXjPWUC5SFqkpmTjTpQFVkfFsl/?sfnsn=mo</a>	FB